

## “MUHASABAH DIRI SEMPENA TAHUN BAHARU 2018”

Alhamdulillah, segala kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, telah mengizinkan kita semua untuk bertemu tahun baharu tahun 2018 masihi. Kita mulakan dengan lafaz kesyukuran kerana masih lagi diizinkan untuk meneruskan kehidupan disamping menjalankan tugas harian sama ada sebagai pekerja, pelajar atau sebagai seorang ibu, bapa, anak dan sebagai umat Islam yang diberi amanah oleh Allah S.W.T. Mudah-mudahan kita menyambut kehadiran tahun baharu dengan rasa tawaduk ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat-Nya selama ini.

Marilah kita merenung atau muhasabah diri dengan menghitung segala perilaku kita sepanjang tahun lalu. Apakah perbuatan yang kita lakukan itu merupakan amalan baik atau buruk? Adakah kerja yang kita laksanakan memenuhi tuntutan dan selaras dengan kehendak Ilahi?

Kita perlu merenung terhadap diri sendiri dan bertanya kepada diri kita sendiri, apakah kita melalui jalan yang benar menuju keredaan-Nya dengan amalan yang kita lakukan sepanjang tahun lalu. Apakah kita telah menunaikan hak-hak Allah dan hak-hak hamba Allah yang diamanahkan kepada kita? Bandingkan antara kebaikan-kebaikan dan kejahatan-kejahatan dan menilai diri sendiri, kemudian bertaubat, beristighfar, berusaha untuk mengganti apa yang telah berlalu dengan kebaikan. Sesungguhnya segala kejadian yang berlaku samada yang kita lakukan, mahupun apa yang berlaku kepada diri kita, perlulah kita nilaikan dan jadikan pengajaran serta panduan untuk kehidupan kita seterusnya.

Rasulullah SAW sendiri pernah memuji sikap muhasabah di dalam satu hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi yang bermaksud: **“Orang yang pintar ialah orang yang menghitung dirinya serta beramal untuk hari selepas kematian sementara orang yang lemah ialah orang yang mengikut hawa nafsunya serta berangan-angan terhadap Allah dengan angan-angan (yang banyak).”**

Marilah kita bersama-sama menghitung setiap tindakan kita selama ini, sejauh mana kita telah melaksanakan amanah sebagai hamba Allah SWT. Apakah kita telah benar-benar melaksanakannya mengikut lunas dan kehendak Islam? Justeru itu, marilah kita merebut peluang dan masa serta segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT kepada kita agar dapat dimanfaatkan untuk perkara-perkara yang bermanfaat dalam kehidupan kita serta melakukan amal soleh. Seterusnya membuat persiapan untuk masa depan agar kita lebih bersedia bilamana kita dijemput oleh Allah S.W.T menemui-Nya sebagaimana peringatan Allah melalui firman-Nya dalam surah Al Hasyr ayat 18 yang bermaksud:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَتَنْظُرُوْا نَفْسَكُمْ مَّا قَدَّمْتُمْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللّٰهَ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌ  
بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿١٨﴾

*Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat) dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.*